

# Kerja gali kubur pahlawan selesai

## Istiadat wira negara untuk sambut jasad Ngah Ibrahim, Mohamad Amin di Perak esok

Oleh Mohd Zin Ali

**S**INGAPURA: Kerja pemindahan jasad dua pahlawan Melayu, Orang Besar Jajahan Hilir Perak, Tengku Menteri Ngah Ibrahim dan Laksamana Mohamad Amin Alang Duakap, untuk dibawa pulang ke Perak berjalan lancar, semalam.

Kubur dua pahlawan di Pusara Al-Junied, Jalan Kubur dan di Pusara Aman, Choa Chu Kang, di sini digali serentak, jam 8.15 pagi dan selesai jam 12 tengah hari sebelum tulang dua pahlawan itu dimasukkan ke dalam kain putih dan dimasukkan ke dalam bekas khas yang dilitupi *Jalur Gemilang*.

Jasad Ngah Ibrahim akan dikebumikan semula di pekarangan Kompleks Muzium Matang manakala Mohamad Amin di Makam Diraja Perak di Bukit Chandan.

Kurator Arkeologi Jabatan Warisan Negara, Khalid Syed Ali, berkata penggalian kubur Ngah Ibrahim mengambil masa kerana digenangi air dari mata air dan terpaksa disedut sebelum kerja pemindahn jasad diteruskan.

"Keadaan amat sukar darta pihaknyaterpaksa berhati-hnti bagi memastikan rangka tidak rosak atau pecah dan tidak menimbulkan kesulitan berikutan jenazah Ngah Ibrahim dikebumikan lebih 100 tahun laju," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, beberapa tulang yang sudah reput dan bercampur tanah menyebabkan pihaknya terpaksa membawa tanah itu untuk dise-



**PENUH TELITI:** Kerja menggali kubur Ngah Ibrahim oleh ahli arkeologi mengambil masa beberapa jam di Pusara Al-Junied, Jalan Kubur, Singapura, semalam.

madikan di Perak.

"Tanah berkenaan mungkin mengandungi tulang yang sudah reput dan perlu diambil supaya jenazah dapat dikebumikan dengan sempurna," katanya.


Turut menyaksikart kerja menggali di kubur Ngah Ibrahim ialah waris terdekatnya, Datuk Dr Wan

Mohamad Isa Wan Ahmad, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura, Datuk N Parameswaran dan Pesuruhjaya Warisan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Prof Dr Zuraina Majid.

Sementara itu, Dr Wan Mohamad Isa yang juga Orang Besar Jajahan Larut Matang dan Selama, berkata

beliau berterima kasih kepada kerajaan Singapura kerana membenarkan kubur berkenaan digali dan jasad pahlawan Perak itu disemadikan di negeri asal.

"Ia saat menggembirakan saya apabila usaha yang ditunggu sejak bertahun lalu akhirnya menjadi kenyataan. Saya berpendapat kajian lebih



**PENUH HORMAT:** Komander Mohd Fadzli Kamal Mohd Mohaldin melihat keranda pahlawan di atas kapal TLDM di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah.

lanjut seperti ujian DNA (asid deoksiribonukleik) untuk mengesahkan kubur Ngah Ibrahim ini tidak perlu kerana kajian yang dilakukan sebelum ini sudah mencukupi," katanya.

Tengku Ngah Ibrahim meninggal dunia di Singapura pada 4 Februari 1895 dan Mohamad Amin pada 1908.

Penulis novel dan sejarah, Dr Talib

Samat, berkata usaha membawa pulang jasad Ngah Ibrahim dan mentuanya, Mohamad Amin mengembalikan kenangan perjuangan mereka menentang penjajahan.

Beliau berkata, perjuangan Ngah Ibrahim dan Mohamad Amin perlu diadikart pedonian gerterasi muda masa kini.